

Oleh NORIZAN ABDUL MUHID

kampus@utusan.com.my

BAGI memastikan usaha berterusan dibuat pada program khidmat masyarakat, pelajar Kolej 13 Universiti Putra Malaysia (UPM) terpilih menjadi universiti angkat untuk Felda Mengkuang dan Sekolah Kebangsaan Mengkuang, Triang, Pahang baru-baru ini.

Pengetua Kolej Tiga Belas UPM, **Prof. Madya Dr. Arifin Abdu** berkata, program bakti siswa yang digerakkan kali berbentuk *industry penetration* bagi membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan UPM setelah mereka tamat pengajian nanti.

Menurutnya, pada tahun ini, 80 pelajar dari 30 keluarga angkat di Felda Mengkuang terlibat pada program itu yang digerakkan sejak empat tahun lalu.

“Selain itu, sebanyak 97 pelajar sekolah turut menyertai aktiviti yang disediakan sempena program bakti siswa ini,” katanya.

Selain itu, menurut Pengarah program Tautan Kasih Bestari yang juga Ketua Felo Kolej 13, **Zulkhairi Azizi Zainal Abidin**, program itu merupakan latihan kepada pelajar tentang konsep komuniti yang menjadikan aspek penting masa kini.

Menurutnya, hubungan yang berterusan antara pelajar UPM dan warga komuniti merupakan satu kelestarian jalinan yang mengukuhkan penyatuan antara institusi pengajian tinggi dan masyarakat.

“Antara aktiviti yang disediakan untuk pelajar adalah seperti *Best Math* iaitu untuk membantu pelajar menguasai teknik matematik.

“Pelajar juga didedahkan *Science Camp* yang menunjukkan pelbagai eksperimen sains dengan tujuan menarik minat pelajar dalam mata pelajaran sains,” katanya.

Katanya, program *Fear No More* untuk membantu meningkatkan keyakinan para pelajar untuk menguasai bahasa Inggeris dalam kehidupan harian mereka.



SEBAHAGIAN pelajar UPM yang terlibat menjayakan program bakti siswa di Felda Mengkuang dan Sekolah Kebangsaan Mengkuang, Triang, Pahang baru-baru ini.

UPM jadi pilihan

UPM jadi universiti angkat gerak kegiatan kemasyarakatan, mentor pelajar Felda Mengkuang dan Sekolah Kebangsaan Mengkuang, Triang, Pahang

6 Selain itu, seramai 97 pelajar sekolah turut menyertai aktiviti yang disediakan sempena program bakti siswa ini

“Program lain yang turut digerakkan dengan masyarakat Felda seperti Malam Mesra Mengkuang, gotong-royong, sukaneka dan *Golden Crops of Malaysia*

iaitu aktiviti menanam benih sawit disertai mahasiswa UPM,” katanya.

Program bakti siswa kali ini turut mendapat tajaan Felda, Bank Rakyat dan

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Pada masa kini, Kolej 13 UPM merancang menganjurkan aktiviti susulan seperti program motivasi kepada pelajar Sekolah Kebangsaan Mengkuang, lawatan sambil belajar warga Felda Mengkuang mengenai teknologi dan produk pertanian UPM dan kursus pemantapan minda untuk golongan pelajar di kawasan sekitar Putrajaya.